

4. Menteri Kewangan akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini memutuskan ia-itu sa-jumlah wang tidak lebih daripada \$721,587,720 hendak-lah di-keluarkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun 1964 dan bagi maksud menepati tujuan2 Kepala dan Pechahan Kepala yang di-terangkan dalam ruangan yang kedua dalam Kenyataan yang terbentang di-atas Meja Meshuarat sa-bagai Kertas Titah No. 46 tahun 1963, hendak-lah di-untokkan jumlah wang di-sebutkan bertentangan dengan Kepala dan Pechahan Kepala yang tersebut dalam ruangan yang kesembilan dan kesa-puluh berkenaan dengan Kepala 100-153 dan ruangan kelapan dan kesembilan berkenaan dengan Kepala 155-210.

5. Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani akan menchadangkan:

Bahawa Dewan ini mengutok Kerajaan Pusat yang telah menyalah-gunakan kuasa Undang2 Keselamatan Dalam Negeri bagi menangkap dan menahan sa-orang ulama baharu2 ini di-Kelantan dan menuntut supaya dia di-lepaskan dan perbuatan menahan mana2 ulama Islam kerana pendapat ugama-nya itu tidak lagi di-lakukan.

6. Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad akan menchadangkan:

Bahawa Kerajaan hendak-lah mengadakan sa-buah Undang2 bagi menubuhkan Majlis Kebudayaan Negara.

7. Enche' V. David akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini meminta kepada Kerajaan menggantikan Undang2 Ibu Kota Persekutuan dengan sa-buah Majlis Municipal bagi Kuala Lumpur yang di-pileh semua sa-kali Ahli2-nya dalam Pilehan Raya.

8. Enche' Lim Huan Boon akan menchadangkan:

Bahawa Majlis ini mengutok perbuatan Kerajaan Pusat menyalah-gunakan kuasa2-nya mengikut Rang Undang2 Keselamatan Dalam Negeri, kerana baharu2 ini telah melakukan tangkapan dan tahanan terhadap ketua2 parti politik dan ketua2 Kesatuan Sa-kerja, dan menuntut supaya di-bebaskan dengan serta-merta dengan tiada bersyarat atau di-bicharakan dalam Mahkamah Undang2.

DEWAN RA'AYAT YANG PERTAMA

MALAYSIA

Penggal Yang Kelima

Atoran Urusan Meshuarat

Hari Juma'at, 20hb. Disember, 1963 pukul 9.30 pagi

No. 26

75

PERTANYAAN2 BAGI JAWAB MULUT

- *1. Enche' K. Karam Singh bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri apa pendirian Kerajaan atas karangan menchercha yang di-keluarkan oleh Mr. Alex Josey berkenaan dengan orang2 Melayu dalam majallah Australian bernama "The Bulletin".
- *2. Enche' K. Karam Singh bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ada-kah Kerajaan akan menjalankan langkah membuang Mr. Alex Josey dari Malaysia.
- *3. Enche' Ibrahim bin Abd. Rahman bertanya kepada Menteri Dalam Negeri, memandag kepada reaksi orang2 Melayu di-seluruh negeri terhadap karangan dalam majallah "The bulletin" yang di-tulis oleh wartawan Alex Josey ada-kah Menteri Luar Negeri berchadang meluchutkan kera'ayatan-nya serta menyingkir dan menghalau ia keluar daripada negara Malaysia selama2-nya.
- *4. Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa bilangan dan di-mana Sekolah2 Menengah Kebangsaan (Bahasa pengantar-nya Melayu) yang telah di-dirikan dalam negeri ini.
- *5. Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah Kerajaan berchadang hendak menjadikan Sekolah2 Lanjutan itu Sekolah2 Menengah Kebangsaan.

ATORAN URUSAN MESHUARAT DAN PEMBERITAHU2
USUL

- 1. (DR.37/63) Rang Undang2 Perbekalan, 1964 - Membahathkan lagi atas usul "Bahawa Rang Undang2 ini hendak-lah di-bachakan kali yang Kedua" (19hb Disember, 1963).
- 2. Membahathkan lagi Anggaran Belanja (Tambahan) Pembangunan (No.3) tahun 1963 (Cmd. 45 tahun 1963) dalam Jawatan Kuasa sa-buah2 Majlis (18hb Disember, 1963).
- 3. Menteri Kewangan akan menchadangkan:

Bahawa menurut kuat-kuasa sharat sekshen-kechil (4) dalam Sekshen 10 Undang2 Peratoran Kewangan tahun 1957, Jadual Yang Kedua dalam Undang2 tersebut hendak-lah di-pinda dengan menambahkan pada-nya perkara yang baharu saperti berikut:-

'The Rehabilitation of Fishermen Trust Fund'